

Lagi tasik busuk di Sungai Besi

kosmo 1/11/2006

Oleh FAIZAL SAHARUNI
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Masalah tasik busuk di Kampung Malaysia Tambahan dan Kampung Malaysia Raya, Sungai Besi di sini pernah disiarkan *KOSMO!* baru-baru ini.

Namun, belumpun selesai masalah itu, timbul pula masalah pencemaran bau busuk dari tasik berlainan yang kian menghimpit penduduk.

Tinjauan *KOSMO!* ke lokasi mendapati, dakwaan penduduk itu ada benarnya.

Seorang penduduk yang hanya ingin dikenali sebagai Azman, 28, berkata, bau busuk dari tasik itu dipercayai berpunca daripada pencemaran yang disengajakan.

Menurutnya, bau busuk itu menjejaskan kualiti udara di kawasan berkenaan yang sepatutnya menjadi tumpuan masyarakat setempat untuk beriadah.

Menurut seorang penduduk, Kamarudin Shaari, tiada sebarang penyelenggaraan dilakukan walaupun penguurusan tasik tersebut telah diambil alih Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dua tahun lepas.

"Penduduk pernah membuat aduan sebanyak dua kali kepada pihak berkenaan awal tahun ini, namun masalah ini masih menemui jalan buntu," katanya.



CHAI HO (kiri) memperkatakan sesuatu mengenai tasik di Kampung Malaysia Raya, Sungai Besi yang berbau busuk semalam.

Kamarudin mendakwa, keindahan tasik yang sudah wujud tahun 80-an itu dicemari sampah yang datang dari Sungai Midah, Taman Permaisuri.

Ekoran itu, katanya, tasik itu mengeluarkan bau busuk dan menjejaskan kesejahteraan penduduk.

Pengerusi Persatuan Pen-

uduk Kampung Malaysia Raya, Mohd. Zainuddin Amran memberitahu, pihak berkuasa seharusnya perlu peka dengan keperluan penduduk sekitar kerana terpaksa menghidu bau busuk ini sejak 10 tahun lepas.

"Pelbagai masalah yang berlaku di sini bagaikan tidak mendapat perhatian.

"Kepada siapa lagi kami mahu mengadu?" soalnya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Tan Chai Ho, berkata, beliau akan menemui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) secepat mungkin bagi menyelesaikan masalah penduduk.